



Ruj. Kami : PA.UTM.100-1/4/6 (2)
Tarikh : 07 Zul Hijjah 1436H
21 September 2015

Pengarah-Pengarah Bahagian Ibupejabat
Komandan Akademi / Pusat Latihan Pertahanan Awam
Pengarah Pertahanan Awam Negeri
Pegawai Pertahanan Awam Daerah
Pegawai Pertahanan Awam Unit

Tuan,

PEKELILING JABATAN BIL. 2 TAHUN 2015:
LOGOTYPE RASMI JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan pelaksanaan dan penguatkuasaan logotype rasmi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia yang baru.
- 1.2 Selaras dengan imej baru yang ditonjolkan melalui warna biru pakaian seragam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, penggunaan logotype Pertahanan Awam ini juga merupakan usaha dan langkah menyeragamkan identiti Jabatan yang lebih profesional dan unggul.



2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Logotype merupakan satu unsur grafik bagi tanda penjenamaan yang diset dalam *font*/jenis taip khas atau diatur dalam bentuk tertentu dan boleh dikenali yang menampakkan identiti baru organisasi. Dalam JPAM, bentuk logotype ini adalah berdasarkan gabungan konsep asas kepada logo Pasukan Pertahanan Awam Malaysia.
- 2.1.1 **Logo** – Konsep logo adalah untuk menonjolkan tugas Pertahanan Awam Malaysia.
- 2.1.2 **Segitiga Sama dan Warna Oren** – Adalah lambang dan warna keselamatan iaitu berwaspada dan bersedia menghadapi bencana.
- 2.1.3 **Sentiasa Siap Sedia** – Di sekeliling tiga segi adalah moto Pasukan Pertahanan Awam.
- 2.1.4 **Bunga Kerawang Berwarna Biru** – Melambangkan kedamaian dan kesejahteraan negara.
- 2.1.5 **Tapak Logo** – Berwarna oren adalah melambangkan keteguhan, kesediaan dan sokongan padu Organisasi Pertahanan Awam Malaysia.
- 2.1.6 **JPAM** – Singkatan daripada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.
- 2.1.7 **Segitiga Warna Biru** - Lambang Kesiapsagaan Angkatan Pertahanan Awam yang profesional dan unggul.
- 2.1.8 **Sedia . Pantas . Berintegriti** – Merupakan slogan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

3. PUNCA KUASA

- 3.1 Mesyuarat Pengurusan Jabatan Bil. 08 Tahun 2015 yang diadakan pada 15 September 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) telah bersetuju dengan rekabentuk logotype JPAM yang baru dan memutuskan Pekeliling/Surat berkaitan penggunaan dan pemakaian logotype tersebut mesti dikeluarkan dan boleh digunakan dalam percetakan, rekabentuk, promosi, publisiti, persembahan dan lain-lain berkaitan bagi tujuan penyeragaman.

4. LOGOTYPE BARU DAN SPESIFIKASI

- 4.1 Sebagaimana di Lampiran A.

5. ANTARA CONTOH-CONTOH PENGUBAHSUAIAN LOGOTYPE YANG TIDAK DIBENARKAN

- 5.1 Sebagaimana di Lampiran B.

6. TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini ditandatangani.

- 6.2 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini:-

- 6.2.1 Semua Pejabat Pertahanan Awam boleh menggunakan logotype tersebut untuk tujuan percetakan, rekabentuk, promosi, publisiti, persembahan dan lain-lain berkaitan bagi tujuan penyeragaman samada dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy* untuk menaikkan imej JPAM yang lebih profesional dan unggul.


- 6.2.2 Semua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Komandan Akademi dan Pusat Latihan mestilah menguatkuasakan penggunaan logotype baru ini agar ianya **SERAGAM** dan **TIDAK MENGUBAH** spesifikasinya serta hendaklah mengikut panduan yang telah dilampirkan sepertimana di Lampiran A dan Lampiran B.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ SEDIA PANTAS BERINTEGRITI ”

Saya yang menurut perintah,



.....
Pj. (PA) HJ. SELAMAT BIN HJ. DAHALAN

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

s.k - Dato' Ketua Pengarah Pertahanan Awam

- Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)






JPAM
SEDIA . PANTAS . BERINTEGRITI




Typeface untuk huruf J-P-A-M:
 Futura Std Extra Bold Condensed
 Oblique

Typeface untuk slogan:
 Gobold Bold Italic Italic

Kod Warna CMYK (Printing):

| | |
|---|----------------------------|
|  | C: 0, M: 76, Y: 100, K: 0 |
|  | C: 82, M: 62, Y: 100, K: 0 |
|  | C: 0, M: 0, Y: 0, K: 90 |

Kod Warna RGB (Skrin):

| | |
|---|----------------------|
|  | R: 250, G: 100, B: 5 |
|  | R: 5, G: 100, B: 250 |
|  | R: 65, G: 65, B: 65 |

Warna Latarbelakang:

- i. Kosong (Tiada Background)
- ii. Logotype ini sesuai digunakan dalam semua jenis warna latarbelakang kecuali warna yang sama dengannya.

**ANTARA CONTOH-CONTOH
PENGUBAHSUAIAN LOGOTYPE YANG
TIDAK DIBENARKAN:-**



Dilarang membuat penapisan warna (*screen color*) terhadap logotype rasmi.



Dilarang menukar font pada logotype rasmi.



Dilarang meletakkan ilustrasi atau tanda di atas logotype rasmi.



Dilarang membuat pengubahsuaian warna terhadap logotype rasmi.



Dilarang membuat pengubahsuaian skala logotype rasmi.



Dilarang membuat pengubahsuaian bentuk terhadap logotype rasmi.



Dilarang menggunakan warna latarbelakang yang sama dengan warna logotype.



Dilarang membuat pengubahsuaian skala logotype rasmi.